

17/12/1999

Pembangunan Kelantan diteruskan

GUA MUSANG, Khamis - Rakyat Kelantan tidak seharusnya kecewa dengan ketiadaan wakil daripada negeri ini dalam Kabinet baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Disember lalu.

Sebaliknya, rakyat Kelantan perlu akur dengan keputusan itu kerana mungkin ada hikmah di sebaliknya atau mereka boleh berfikir secara matang mengenai tujuan sebenar Perdana Menteri mengenyahkan wakil daripada Kelantan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Mohamad Saufi Deraman, berkata Perdana Menteri mempunyai agendanya sendiri berhubung pelantikan menteri dan bukan berniat untuk mendera rakyat Kelantan kerana tidak menyokong Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu.

Beliau berkata, soal sokongan rakyat tidak timbul kerana kerajaan Pas sudah diberi kepercayaan untuk meneruskan pemerintahan negeri ini untuk penggal ketiga.

Bagaimanapun, kata beliau, rakyat perlu menerima hakikat jika berlaku kemunduran negeri ini berikutan halangan projek pembangunan untuk Kelantan dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kita (BN) akan berusaha untuk meneruskan agenda pembangunan di Kelantan sebagaimana yang dijanjikan kerana kita juga tidak mahu rakyat ketinggalan disebabkan tersilap pilih kerajaan yang memerintah negeri ini," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat menerusi kementerian yang berkaitan akan memberi tumpuan yang sama bagi membangunkan negeri ini walaupun rakyatnya menolak kerajaan BN.

"Sejauh mana pelaksanaan projek pembangunan itu dilaksanakan, ia terpulang kepada menteri berkaitan. Yang diharapkan ialah keadilan sama rata dengan negeri-negeri lain yang diperintah BN," katanya.

Mohamad Saufi yang juga Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) berkata, sebenarnya BN mempunyai agenda besar untuk membangunkan Kelantan jika rakyat memberi mandat kepada BN pada pilihan raya umum lalu.

Mengenai Kesedar, beliau berkata agensi itu sedang merancang untuk melaksanakan projek yang diperlukan rakyat di seluruh Hulu Kelantan supaya mereka dapat hidup dengan lebih selesa dan maju.

"Kita akan memberi tumpuan melaksanakan projek jalan raya supaya setiap kampung mempunyai prasarana sempurna selain mereka boleh menggunakan perkhidmatan kereta api," katanya.

(END)